



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	21/8/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	: 17
JABATAN	:	PERHILITAN		

Oleh Mohd Jamil  
Anbia Md Denin  
anbia@metro.com.my

Putrajaya

**T**apir Malaya (Tapirus Indicus) mungkin antara spesies haiwan liar paling malang di Malaysia. Haiwan ini semakin kerap ditemui mati akibat dilanggar kenderaan selain mudah tersesat dan terjatuh di dalam lubang.

Ini dibuktikan apabila kes kemalangan maut memabitkan Tapir Malaya terus meningkat kepada 15 ekor antara Januari hingga 31 Julai lalu.

Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara (Perhilitan), Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berkata, jumlah ini jelas meningkat berbanding 24 ekor Tapir Malaya yang direkodkan dilanggar sepanjang tahun 2020.

Beliau berkata, kes tapir mati dirempuh kenderaan kerap dilaporkan berlaku terutama di Terengganu, Kelantan, Johor dan Pahang.

"Rata-rata tapir yang mati dilanggar ini adalah tapir jantan. Biasanya kes kema-

# HAIWAN TERMALANG!

### Kes kematian Tapir Malaya catat peningkatan akibat sering keluar dari habitat asal

langan berlaku di jalan Persekutuan dan hanya tiga kes dilaporkan berlaku di Lebuhraya Pantai Timur 1 dan 2 (LPT)

"Pemerhatian dilakukan Perhilitan turut mendapati tapir semakin kerap keluar dari habitat asal dan menceroboh kawasan penempatan manusia. Situasi ini antara punca haiwan ini mudah ditemui berkeliaran di jalan raya dan menjadi sasaran kenderaan.

"Malah, kes jatuh lubang, terperangkap atau merayau ke kawasan kediaman penduduk semakin meningkat sejak beberapa minggu yang

lalu," katanya.

Terbaru, seekor tapir betina berjaya ditangkap selepas menceroboh Kampung Geylang, Simpang Pertang, Negeri Sembilan, kelmarin.

Usaha memasang perangkap dilakukan selepas mamalia itu didakwa kerap merosakkan tanaman penduduk.

Sebelum itu seekor tapir betina seberat 200 kilogram turut ditangkap anggota Perhilitan Wilayah Persekutuan berhampiran hutan simpan Hulu Langat, Selangor.

Tapir dewasa yang mengalami luka di mulut terpaksa diselamatkan dan di-

pindahkan dengan bantuan jentera kontraktor Projek Lebuhraya Lembah Klang Timur (EKVE).

Pada 28 Julai lalu, Perhilitan Negeri Sembilan turut menjalankan operasi menyelamatkan seekor tapir jantan yang cedera kaki berhampiran Kampung Kolang Panas, Seremban.

Manakala pada 27 Julai lalu, Perhilitan Negeri Sembilan menangkap seekor Tapir Malaya betina seberat 300 kilogram selepas memasuki perangkap di Felda Pasoh 2, Simpang Pertang di sini.

Perangkap itu dipasang sejak 17 Julai lalu susulan aduan penduduk mengenai kelibat seekor tapir Malaya di lokasi itu.

Kadir berkata, sebanyak empat Tapir Malaya dise-



PROSES pemindahan tapir betina dengan bantuan kontraktor EKVE.



PIHAK Perhilitan menangkap seekor tapir yang menceroboh Kampung Geylang, Simpang Pertang, kelmarin.

lamatkan daripada diancam kepuasan tahun ini.

"Anggaran minimum populasi tapir di seluruh Semenanjung Malaysia adalah di antara 1,100 hingga 1,500

ekor ketika ini. Buat masa ini, ancaman utama tapir adalah pemecahan habitat dan perburuan menggunakan jerat dan senjata api," katanya.

**“  
Rata-rata tapir yang mati dilanggar ini adalah tapir jantan  
Abdul Kadir**

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : [www.ketsa.gov.my](http://www.ketsa.gov.my)



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia



KeTSAMalaysia